

Bukti ketertiban Kesatuan Sekerja

# Mahathir lega MTUC batal langkah piket



Datuk Seri Dr. Mahathir.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA SELANGOR, Sabtu** — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, hari ini merasa gembira atas kesedaran dan ahli-ahli Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menangkahkan piket seluruh negara yang di jaudikan Lenin ini sebagai membantah pindaan Undang-undang Buruh.

"Langkah mereka merupakan satu balikan dan nampaknya terdapat juga pemimpin-pemimpin MTUC yang berikap sederhana," ujar beliau.

Merasamakan Pergerakan Perkhidmatan UMNO Bahagian Kuala Selangor di Dewan Malawati di sini pagi tadi, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata kesedaran telah sampai di kalangan pemimpin-pemimpin dan ahli kesatuan sekerja itu, walaupun ada antara mereka masih berjanj untuk kepentingan politik mereka sendiri.

"Saya merasa gembira atas keputusan Majlis Agung MTUC yang menangkahkan ancaman mereka," katanya.

Oleh HARITH HASHIM

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, langkah MTUC itu juga menunjukkan bukti ketertiban dalam pertubuhan sekerja itu.

Menyentuh ekonomi negara, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau sering keluar negeri bagi menjemput pelabur-pelabur asing supaya menanam modal di negara ini.

Beliau menambah pemergian-nya itu adalah dengan hasrat supaya rakyat mendapat faedahnya, termasuk pekerjaan.

"Di samping itu, Kerajaan juga bertujuan mengadakan kilang-kilang di tempat-tempat yang kurang maju agar rakyat mendapat peluang-peluang pekerjaan."

"Bagaimanapun, ada parti politik tertentu yang mengancam usaha saya dengan menyatakan saya mendapat "baham-saham percuma" dalam avarikat-syarikat pelaburan asing itu."

"Tuduhan ini adalah satu tindak tanduk biasa bagi mereka menjalankan politik mereka itu," jelas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan menyuruh pekerja-pekerja berusaha dengan lebih giat lagi bagi menarik perhatian pelabur-pelabur asing untuk menanam modal di negara ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, negara-negara lain di dunia ini juga turut menghadapi ancaman ekonomi dunia dan begitu juga negara-negara OPIC yang mengalami ekonomi yang merosot.

"Sebagai negara-negara di dunia ini menghadapi tekanan ekonomi, negara kita mempunyai bahan-bahan pasaran yang baik seperti getah, bijih timah, kelapa sawit dan sebagainya dan kebanyakan rakyat dapat menampung kemewahan ini."

"Oleh itu, kita harus meremang dan berucuk kepada Tuhan kerana kita tidak menghadapi tekanan-tekanan yang amat sangat seperti yang dihadapi oleh negara-negara lain," jelas beliau.

Menyentuh tentang pemilihan dalam pucuk pimpinan parti, beliau berkata, perkara pertandingan tetap ada, tetapi janganlah "sampai berhemmas pulas dan berorangang sesama sendiri."

Terdahulu dari ini, ketibaan Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah, disambut oleh Ahli Parlimen Kuala Selangor juga Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Encik Abu Hassan Haji Omar dan Pemangku Ketua UMNO Bahagian Kuala Selangor, Encik Mohamad Yusoff, Haji, Haji Donan, serta diriringi oleh peranakan kampung dan bunga manggar menuju ke Dewan Malawati.